




KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel. : 03-88853001
Faks : 03-88892187
E-mel : abubakar.kppa@jpa.gov.my
Web : http://www.jpa.gov.my



Rujukan Kami : JPA.BK(S)134/2/8 jld.2 s.k.1(7)

Tarikh : 27 Disember 2011

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Tuan,

PELAKSANAAN URUSAN KENAIKAN PANGKAT TANPA PEMANGKUAN


Saya dengan hormatnya menarik perhatian tuan mengenai perkara di atas.

2. Seperti mana yang tuan sedia maklum, mengikut amalan urusan kenaikan pangkat pegawai perkhidmatan awam didahului dengan urusan pemangkuan sekurang-kurangnya enam (6) bulan. Tujuan pemangkuan ialah untuk menilai keupayaan pegawai menjalankan tugas di gred yang lebih tinggi dan menilai kesesuaian penempatan pegawai serta kesediaan pegawai untuk bertukar setelah dinaikkan pangkat.
3. Selaras dengan pelaksanaan Saraan Baru Perkhidmatan Awam (SBPA), Kerajaan telah memutuskan supaya **urusan kenaikan pangkat dilaksanakan terus tanpa pemangkuan**. Keupayaan pegawai akan dinilai melalui Program Bersepadu Potensi dan Kompetensi (PROSPEK) bagi mengenal pasti potensi dan kompetensi pegawai untuk menjawat jawatan yang lebih tinggi sebelum dipertimbangkan kenaikan pangkat.
4. Di samping itu, kenaikan pangkat tanpa pemangkuan ini dilaksanakan secara bersyarat seperti berikut:
 - a) Kenaikan pangkat bagi pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi dalam tempoh awal pelaksanaan SBPA adalah tertakluk kepada markah *Advanced Leadership and Management Programme* (ALMP) dan Laporan Asas JUSA; dan

- b) Kenaikan pangkat pegawai **Kumpulan Pengurusan dan Profesional** serta **Kumpulan Pelaksana** adalah tertakluk kepada pegawai **melapor diri dalam tempoh 30 hari** (kecuali atas sebab-sebab yang dibenarkan). Sekiranya pegawai tidak melapor diri dalam tempoh tersebut, pegawai dianggap menolak kenaikan pangkat;
5. Bagi kekosongan jawatan yang perlu diisi segera atau atas permintaan *stakeholders*, pegawai yang belum memenuhi syarat kenaikan pangkat seperti yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan boleh diperakukan untuk mengisi jawatan tersebut secara **penempatan khas**. Pengisian secara penempatan khas hendaklah dikemukakan kepada Jabatan ini untuk kelulusan sebelum ia dilaksanakan
6. **Jawatan yang tidak boleh diisi bagi tujuan kenaikan pangkat** seperti jawatan yang kosong secara operasi dan jawatan sementara, pengisian jawatan tersebut boleh diisi secara **penanggungangan kerja**.
7. Dalam hubungan ini, Lembaga Kenaikan Pangkat di peringkat Kementerian dan Jabatan disarankan supaya melaksanakan urusan kenaikan pangkat tanpa pemangkuan ini. Walau bagaimanapun, Lembaga Kenaikan Pangkat **masih mempunyai kuasa untuk mengarahkan seorang pegawai memangku** demi kepentingan perkhidmatan sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Lembaga Kenaikan Pangkat berkenaan.
8. Pegawai yang sedang memangku sebelum keputusan ini berkuat kuasa boleh diteruskan pemangkuan dan dinaikkan pangkat mengikut peraturan sedia ada.
9. Keputusan ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2012**.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI ABU BAKAR BIN HAJI ABDULLAH)

s.k. :

Semua Pihak Berkuasa Melantik

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan